


5.1 Sistem Fizikal Bumi

- 1 Rajah 1 menunjukkan lapisan atmosfera bumi. (BT m.s. 44) (ARAS: R)



Rajah 1

Apakah lapisan X?

- A Troposfera
- B Termosfera
- C Mesosfera
- D Stratosfera

- 2 Apakah sistem fizikal bumi yang berkaitan dengan maklumat berikut? (BT m.s. 44) (OMG m.s. 35 DSKP A S1, TP1) (ARAS: S)

- Lapisan yang menyelubungi bumi
- Mengandungi pelbagai jenis gas dan wap air

- A Biosfera
- B Litosfera
- C Hidrosfera
- D Atmosfera

- 3 Foto 1 menunjukkan haiwan yang hidup di dalam hutan Malaysia. (BT m.s. 45) (OMG m.s. 35 DSKP A S2, TP1) (ARAS: S)



Foto 1

Apakah sistem fizikal bumi yang didiami oleh haiwan tersebut?

- A Biosfera
- B Litosfera
- C Hidrosfera
- D Atmosfera

- 4 Maklumat berikut merujuk kepada komponen sistem fizikal bumi. (BT m.s. 45) (OMG m.s. 35 DSKP A S4, TP2) (ARAS: S)


- Lapisan luar bumi yang merangkumi bahagian kerak bumi dan bahagian atas mantel.
- Mengandungi pelbagai jenis batuan dan mineral.

Apakah sistem fizikal tersebut?

- A Atmosfera
- B Litosfera
- C Biosfera
- D Hidrosfera

5.2 Struktur bumi

- 5 Rajah 2 menunjukkan lapisan struktur bumi. (BT m.s. 45) (OMG m.s. 35 DSKP B S2, TP2) (ARAS: R)



Rajah 2

Apakah lapisan Q?

- A Mantel
- B Teras dalam
- C Kerak bumi
- D Teras luar

- 6 Pernyataan yang manakah benar mengenai struktur bumi? (BT m.s. 45) (OMG m.s. 35 DSKP C, TP2) (ARAS: S)

- A Lapisan mantel bersifat pepejal
- B Mempunyai lima benua dan tujuh lautan
- C Terdiri daripada kerak bumi, mantel dan teras bumi
- D Terdapat lapisan teras bumi yang terletak di bawah kerak bumi

- 7 Antaraberikut, pasangan yang manakah benar berkaitan struktur bumi? (BT m.s. 45) (OMG m.s. 35 DSKP C S1&3, TP2)

(ARAS: S)

	Struktur bumi	Pernyataan
I	Teras luar	Melindungi bumi daripada sinaran ultra ungu (UV)
II	Kerak bumi	Lapisan bumi yang paling luar, keras dan pejal
III	Mantel	Bersifat separa cecair
IV	Teras bumi	Terdiri daripada dua lapisan, iaitu sial dan sima

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV